| Gaya hidup (had RM2 500)<br><i>Lifestyle (limited to RM2 500)</i>                           | 2 250                            | 3 000                 |
| Insurans perubatan (had RM3 000)<br><i>Medical insurance (limited to RM3 000)</i>           | 3 125                            | 2 150                 |
| Derma kepada rumah anak yatim<br><i>Donation to orphanage</i>                               | 500                              | 200                   |
| Zakat<br><i>Zakat</i>   | 540                              | 300                   |

Jadual 1.1  
*Table 1.1*

Dengan menggunakan Jadual 1.2 : Kadar Cukai Pendapatan Individu untuk Tahun Taksiran 2022, hitung jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Anglor dan isterinya dengan menggunakan cara taksiran cukai berasingan bagi tahun tersebut. [4 markah]

*By using Table 1.2 : Individual Income Tax Rates for Assessment Year 2022, calculate the total income tax payable by Encik Anglor and his wife using separate tax assessment in that year. [4 marks]*

| Pendapatan Bercukai (RM)<br><i>Chargeable Income (RM)</i> | Pengiraan (RM)<br><i>Calculations (RM)</i>  | Kadar (%)<br><i>Rate (%)</i> | Cukai (RM)<br><i>Tax (RM)</i> |
|---|---|------------------------------|-------------------------------|
| 20 001 – 35 000   | 20 000 pertama<br><i>On the first 20 000</i><br>15 000 berikutnya<br><i>Next 15 000</i> | 3                            | 150<br>450                    |
| 35 001 – 50 000   | 35 000 pertama<br><i>On the first 35 000</i><br>15 000 berikutnya<br><i>Next 15 000</i> | 8                            | 600<br>1 200                  |
| 50 001 – 70 000   | 50 000 pertama<br><i>On the first 50 000</i><br>20 000 berikutnya<br><i>Next 20 000</i> | 13                           | 1 800<br>2 600                |

Jadual 1.2  
*Table 1.2*

Jawapan / *Answer:*

- 11 Elvison ialah seorang pengangkat berat. Beliau meletakkan sekeping cakera besi besar dan sekeping cakera besi kecil di kedua – dua hujung sebatang rod pengangkat yang berjisim 6 kg. Jumlah jisim keseluruhannya ialah 150 kg. Kemudian, dia menambahkan sekeping cakera besi kecil lagi di setiap hujung rod pengangkat dan keseluruhan barunya ialah 202 kg.

*Elvison is a weightlifter. He places a piece of big iron disc and a piece of small iron disc at both ends of the 6 kg lifting rod. The total mass is 150 kg. Then, he adds a small iron disc at each end of lifting rod and the total of new mass is 202 kg.*

- (a) Menggunakan kaedah matriks, cari jisim, dalam kg, setiap cakera besi besar dan cakera besi kecil itu. [6 markah]

*Using matrix method, find the mass, in kg, of each big iron disc and small iron disc.* [6 marks]

- (b) Rekod dunia dalam acara angkat berat untuk Kelas 96 kg ialah 231 kg. Adakah Elvison dapat memecah rekod itu dengan meletakkan dua cakera besi besar dan sekeping cakera besi kecil di setiap hujung rod pengangkat? Justifikasi jawapan anda dengan menggunakan pendaraban matriks sahaja. [3 markah]

*World record in weightlifting for 96 kg Class is 231 kg. Will Elvison be able to break the record by placing two pieces of big iron discs and a piece of small iron disc at both end of lifting rod? Justify your answer by using matrix multiplication only.* [3 marks]

Jawapan / Answer:

(a)

(b)




- 12 Anda tidak dibenarkan menggunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini. Garis padu halus untuk garis binaan mestilah ditunjukkan. Anda mesti menggunakan pensel **BB** atau **2B** dan pensel **HB**.

*You are not allowed to use the graph paper to answer this question. Thin solid lines for construction lines must be shown. You must use **BB** or **2B** pencils and **HB** pencil.*

Rajah 5 menunjukkan gabungan separuh silinder dengan sebuah prisma tegak pada satah mengufuk  $EDGH$ . Gabungan pepejal itu terletak di atas satah mengufuk. Segi empat tepat  $FGKJ$  ialah satah condong. Tepi  $EA$ ,  $HD$ ,  $JB$  dan  $KC$  adalah tegak.

*Diagram 5 shows the composite of half cylinder and a right prism at horizontal plane  $EDGH$ . The composite solid is on a horizontal plane. Rectangle  $FGKJ$  is an inclined plane. Edges  $EA$ ,  $HD$ ,  $JB$  and  $KC$  are vertical.*



Rajah 5  
Diagram 5

Diberi  $JB = 40$  cm,  $AB = 35$  cm,  $BC = 25$  cm dan  $AE = EF = MH = 15$  cm.  $EF$  selari dengan  $HG$ .

*Given  $JB = 40$  cm,  $AB = 35$  cm,  $BC = 25$  cm and  $AE = EF = MH = 15$  cm.  $EF$  is parallel with  $HG$ .*

Dengan menggunakan skala 1 : 5, lukis

*By using a scale of 1 : 5, draw*


(a) dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan  $AB$  seperti yang dilihat dari  $X$ , [4 markah]

*the elevation of the composite solid on a vertical plane parallel to  $AB$  as viewed from  $X$ .* [4 marks]

(b) dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan  $BC$  seperti yang dilihat dari  $Y$ . [5 markah]

*the elevation of composite solid on a vertical plane parallel to  $BC$  as viewed from  $Y$ .* [5 marks]

Jawapan / Answer:



- 13 (a) Diberi set semesta,  $\xi = \{x: 25 \leq x < 39, x \text{ ialah integer}\}$ ,  
set  $A = \{x: x \text{ ialah gandaan bagi } 4\}$ ,  
set  $B = \{x: x \text{ faktor bagi } 100\}$  dan  
set  $C = \{x: x \text{ ialah nombor dengan keadaan hasil tambah digit-digitnya adalah lebih besar dari } 8\}$ .

*It is given that the universal set,  $\xi = \{x: 25 \leq x < 39, x \text{ is an integer}\}$ ,*

*set  $A = \{x: x \text{ is a multiple of } 4\}$ ,*

*set  $B = \{x: x \text{ is a factor of } 100\}$  and*

*set  $C = \{x: x \text{ is a number such that the sum of its digits is greater than } 8\}$ .*

Senaraikan unsur bagi  $A$ ,  $B$  dan  $C$  dengan menggunakan tatatanda set. [3 markah]

*List all the elements of  $A$ ,  $B$  and  $C$  by using the set notation.* [3 marks]

- (b) Seterusnya, lukis satu gambar rajah Venn untuk mewakili set semesta, set  $A$ , set  $B$  dan set  $C$ . [3 markah]

*Hence, draw the Venn diagram to represent the universal set, set  $A$ , set  $B$  and set*

*$C$ .* [3 marks]

Jawapan / Answer:

- (a)

$A =$


$B =$

$C =$

- (b)

(c)(i) Gambar rajah Venn dalam Rajah 6.1 menunjukkan set  $P$ , set  $Q$  dan set  $R$ . Set semesta,  $\xi = P \cup Q \cup R$ .

*The Venn diagram in Diagram 6.1 shows the sets  $P$ ,  $Q$  and  $R$ . The universal set,  $\xi = P \cup Q \cup R$ .*




Rajah 6.1  
Diagram 6.1

Nyatakan hubungan yang diwakili oleh rantau berlorek di antara set  $P$ , set  $Q$  dan set  $R$ . [2 markah]

*State the relationship represented by the shaded region between sets  $P$ ,  $Q$  and  $R$ . [2 marks]*

(ii) Rajah 6.2 ialah gambar rajah Venn yang menunjukkan set  $X$  dan set  $Y$  dengan keadaan set semesta,  $\xi = X \cup Y$ .

*Diagram 6.2 is a Venn diagram showing sets  $X$  and  $Y$  such that the universal set,  $\xi = X \cup Y$ .*



Rajah 6.2  
Diagram 6.2

Nyatakan hubungan antara set  $X$  dan set  $Y$ . [1 markah]

*State the relationship between set  $X$  and set  $Y$ . [1 mark]*


Jawapan / Answer:

(c)(i)

(ii)

- 14 (a) Pada Rajah 7.1 di ruang jawapan, lukis imej bagi objek  $A$  di bawah pembesaran pada pusat  $P$ , dengan faktor skala  $\frac{1}{2}$ . [2 markah]  
*On the Diagram 7.1 in the answer space, draw the image of object  $A$  under an enlargement at centre  $P$ , with scale factor  $\frac{1}{2}$ . [2 marks]*


Jawapan / Answer:



Rajah 7.1  
Diagram 7.1

- (b) Rajah 7.2 menunjukkan pelan bagi sebahagian sebuah zoo yang dilukis pada satah Cartes. Dalam pelan itu, sisi empat  $PQRS$  dan  $ABCE$  merupakan dua zon yang masing-masing mempunyai haiwan tempatan dan haiwan bukan tempatan yang dibina berdasarkan konsep transformasi isometri. Sisi empat  $PQRS$  ialah imej bagi sisi empat  $FGDE$  di bawah gabungan transformasi  $VW$ .

*Diagram 7.2 shows the plan of a part of a zoo drawn on the Cartesian plane. In the plan, quadrilaterals  $PQRS$  and  $ABCE$  are two zones keeping local animals and non-local animals which are constructed based on the concept of isometric transformations. Quadrilateral  $PQRS$  is the image of quadrilateral  $FGDE$  under the combined transformations  $VW$ .*



Rajah 7.2  
Diagram 7.2

Diberi bahawa luas kawasan berlorek ialah  $125 \text{ m}^2$ . Hitung luas, dalam  $\text{m}^2$ , sisi empat  $PQRS$ . [2 markah]

*It is given that the area of the shaded region is  $125 \text{ m}^2$ . Calculate the area, in  $\text{m}^2$ , of quadrilateral  $PQRS$ .* [2 marks]

- (c) Perihalkan selengkapnya transformasi

*Describe in full, the transformation*

- (i) **W**  
(ii) **V**

[5 markah]

[5 marks]

Jawapan / *Answer*:

(b)

(c)(i)

(ii)



- 15** Cikgu Ahmad memilih tidak melebihi 30 orang murid untuk menyertai suatu pertandingan koir dengan keadaan bilangan murid lelaki selebih-lebihnya dua kali bilangan murid perempuan.

*Teacher Ahmad chooses not more than 30 pupils to participate a choir competition such that the number of boys is at most twice the number of girls.*

- (a) Tulis **dua** ketaksamaan linear selain daripada  $x \geq 0$  dan  $y \geq 0$ , yang mewakili pemilihan ahli koir itu. [2 markah]  
*Write two linear inequalities other than  $x \geq 0$  and  $y \geq 0$ , which represent the selection of the choir members.* [2 marks]

- (b) Untuk ceraian soalan ini, gunakan kertas graf yang disediakan pada halaman 28. Menggunakan skala 2 cm kepada 5 orang murid pada paksi mengufuk dan paksi mencancang, lukis dan lorek rantau yang memuaskan sistem ketaksamaan linear di **15(a)**. [4 markah]

*For this part of question, use the graph paper provided on page 28.*

*Using a scale of 2 cm to 5 pupils on the horizontal axis and vertical axis, draw and shade the region that satisfies the system of linear inequalities in **15(a)**.*

[4 marks]

- (c) Daripada graf di **15(b)**, tentukan bilangan murid perempuan apabila bilangan murid lelaki adalah maksimum. [1 markah]

*From the graph in **15(b)**, determine the number of girls when the number of boys is maximum.* [1 mark]

- (d) Jika syarat pertandingan diubah, bilangan murid lelaki selebih-lebihnya tiga kali bilangan murid perempuan, tulis satu ketaksamaan berdasarkan situasi tersebut. Seterusnya, lukis garis lurus itu pada graf **15(b)**. [2 markah]

*If the terms of the competition are changed, number of boys is at most triple the number of girls, write a linear inequality based on the situation. Hence, draw the straight line on the graph in **15(b)**.* [2 marks]

Jawapan / *Answer* :


(a)

(b) Rujuk graf pada halaman 28.  
*Refer graph on page 28.*

(c)(i)

(ii)

**Graf untuk Soalan 15**  
*Graph for Question 15*



### Bahagian C

#### Section C

[15 markah]

[15 marks]

Jawab hanya **satu** soalan dalam bahagian ini.


*Answer only **one** question in this section.*

- 16 Evonne merupakan penyelarass Malam Amal Persatuan Ibu bapa dan Guru SMK Gemilang Tahun 2023. Dia perlu mencari penaja-penaja untuk program tersebut. Selain membuat lawatan kepada penaja-penaja yang berpotensi, dia juga membuat panggilan kepada penaja-penaja lain yang berada di luar kawasan.

*Evonne is the coordinator of SMK Gemilang Parents and Teachers Association Charity Night Year 2023. She needs to look for sponsors for the programme. Besides visiting the potential sponsors, she also makes calls to other sponsors from outstation.*

- (a) Rajah 8.1 menunjukkan graf jarak-masa perjalanan Evonne sejauh 30 km dalam masa  $3.5t$  minit dengan memandu kereta. Diberi kadar perubahan jarak terhadap masa sebelum dan selepas tempoh masa rehat ada sama.

*Diagram 8.1 shows the distance-time graph Evonne's journey by car for the distance of 30 km in  $3.5t$  minutes. It is given that the rate of change in distance before and after the stationary period are the same.*



Rajah 8.1  
Diagram 8.1

- (i) Hitung nilai  $t$ . [2 markah]  
*Calculate the value of  $t$ .* [2 marks]
- (ii) Hitung laju purata keseluruhan perjalanan Evonne dalam  $\text{km h}^{-1}$ . [1 markah]  
*Calculate the average speed, in  $\text{km h}^{-1}$ , for the whole journey of Evonne.* [1 mark]
- (iii) Huraikan gerakan kereta selepas berada dalam keadaan pegun. [2 markah]  
*Describe the motion of the car after the stationary period.* [2 marks]

Jawapan / *Answer*:

(a) (i)

(ii)

(iii)

- (b) Evonne mencatatkan masa yang diambilnya untuk membuat setiap panggilan. Jadual 8.2 menunjukkan jumlah masa, dalam minit, yang digunakan dalam seminggu untuk membuat panggilan.

*Evonne records the time taken to do voice calls. Table 8.2 shows the total time taken in minutes, in a week to make voice calls.*

|   |       |       |       |         |         |
|---|-------|-------|-------|---------|---------|
| Jumlah masa yang digunakan (minit)<br><i>Total time taken (minutes)</i> | 1 – 3 | 4 – 6 | 7 – 9 | 10 – 12 | 13 – 15 |
| Kekerapan<br><i>Frequency</i>   | 7     | 3     | 4     | 5       | 1       |

Jadual 8.2  
*Table 8.2*

- (i) Hitung min dan sisihan piawai bagi jumlah masa yang digunakan oleh Evonne untuk membuat panggilan. [4 markah]  
*Calculate the standard deviation of the total time taken by Evonne to make voice calls. [4 marks]*
- (ii) Rakan Evonne, Jeremy juga telah mencatatkan jumlah masa, dalam minit, yang digunakan untuk membuat panggilan dalam seminggu. Min data Jeremy adalah sama dengan data Evonne, manakala sisihan piawai bagi data Jeremy ialah 5.1 minit. Apakah yang anda dapat jelaskan berkenaan sisihan piawai antara Evonne dan Jeremy? [2 markah]  
*Evonne's friend, Jeremy also has recorded the total time taken, in minutes, by him in a week to make voice calls. The mean of Jeremy's data is the same as Evonne's, whereas the standard deviation for Jeremy's data is 5.1 minutes. What can you explain regarding the standard deviation of Evonne and Jeremy? [2 marks]*



Jawapan / *Answer* :

(b)(i)

(ii)

- (c) Pada malam amal tersebut, akan diadakan sesi cabutan bertuah. Sebuah cakera seperti Rajah 8.3 akan digunakan untuk tujuan tersebut. Cakera tersebut dibahagikan kepada empat sektor yang sama dengan mata ditunjuk pada setiap sektor. Tetamu yang terpilih dibenarkan membuat putaran cakera sebanyak dua kali. Sesiapa yang memperoleh jumlah mata sekurang-kurangnya 5 mata akan diberi peluang untuk mencabut sebiji bola secara rawak dari sebuah kotak yang mengandungi bola biru dan bola hijau. Satu hadiah akan diberi jika sebiji bola biru dipilih.

*There is a lucky draw session during the charity night. A disc as shown in Diagram 8.3 will be used. The disc is divided into four equal sectors with the points indicated on each sector. The chosen guests are allowed to spin the disc twice. Those who obtains a total point of at least 5, will be given a chance to draw a ball randomly from a box containing blue balls and green balls. A prize will be given if a blue ball is chosen.*



Rajah 8.3  
Diagram 8.3

- (i) Cari kebarangkalian bahawa seorang tetamu yang terpilih mendapat peluang mencabut bola dari kotak. [2 markah]  
*Find the probability that a chosen guest gets a chance to draw a ball from the box.* [2 marks]
- (ii) Seorang tetamu yang memperoleh 6 markah tetapi gagal untuk mencabut bola biru untuk kali pertama telah diberi peluang untuk mencabut kali kedua tanpa mengembalikan bola yang dipilihnya kali pertama. Cari kebarangkalian bahawa tetamu tersebut akan mendapat hadiah. [2 markah]  
*A guest who obtains 6 marks but fails to draw a blue ball in his first draw will be given a second chance to draw without returning the ball of his first draw. Find the probability that the guest will get the prize.* [2 marks]



Jawapan / *Answer* :

(c)(i)


(ii)

- 17 Encik Samad merupakan seorang pengurus di salah sebuah syarikat pemborong buah-buahan di Kuching, Sarawak. Setiap minggu, syarikatnya akan mengedarkan buah-buahan yang diperolehi daripada pembekal di dalam dan di luar negara kepada penjual buah-buahan di sekitar bandaraya Kuching.

*Encik Samad is a manager at a fruit wholesaler company in Kuching, Sarawak. Every week, his company will distribute fruits obtained from suppliers within and outside the country to fruit sellers in and around the city of Kuching.*

- (a) Rajah 9.1 menunjukkan graf laju-masa bagi suatu penghantaran yang dilakukan oleh Encik Samad pada suatu hari tertentu.

*Diagram 9.1 shows the speed-time graph for a delivery done by Encik Samad on a particular day.*



Rajah 9.1  
Diagram 9.1

Berdasarkan graf laju-masa itu,  
*Based on the speed-time graph,*

- (i) Nyatakan tempoh masa, dalam minit, apabila Encik Samad memandu dengan laju seragam. [1 markah]  
*State the duration, in minutes, during Encik Samad drives at a uniform speed.* [1 mark]
- (ii) Diberi pecutan kereta Encik Samad dalam 15 minit pertama ialah  $336 \text{ km j}^{-2}$ . Hitung nilai  $u$ . [2 markah]  
*Given the acceleration of Encik Samad's car in the first 15 minutes is  $336 \text{ km h}^{-2}$ . Calculate the value of  $u$ .* [2 marks]

- (iii) Diberi jumlah jarak yang dilalui oleh kereta Encik Samad ialah 109.5 km.  
Hitung laju akhir, dalam  $\text{km j}^{-1}$ , bagi kereta Encik Samad. [3 markah]  
*Given that total distance travelled by Encik Samad's car is 109.5 km.*  
*Calculate the final speed, in  $\text{km h}^{-1}$ , of Encik Samad's car.* [3 marks]

Jawapan / Answer :


(a)(i)

(ii)

(iii)

- (b) Sempena Pesta Buah-buahan yang diadakan di Kuching, Sarawak, Encik Samad dan pekerja-pekerjanya akan memborong buah-buahan terus daripada pekebun-pekebun buah-buahan tempatan bermula dari Kebun Jantayu. Rajah 9.2 menunjukkan graf tak terarah dan berpemberat bagi enam lokasi kebun yang akan dilalui oleh mereka.

*In conjunction with the Fruit Festival held in Kuching, Sarawak, Encik Samad and his workers will directly purchase fruits from local fruit farmers, by starting from the Jantayu Farm. Diagram 9.2 shows an undirected and weighted graph representing six farms location that they will visit.*



Petunjuk :  
Legend

|   |                             |
|---|-----------------------------|
| A | Jantayu<br><i>Jantayu</i>   |
| B | Valley<br><i>Valley</i>     |
| C | Semangko<br><i>Semangko</i> |
| D | Bako<br><i>Bako</i>         |
| E | Damai<br><i>Damai</i>       |
| F | Semantan<br><i>Semantan</i> |

Rajah 9.2  
Diagram 9.2

- (i) Lukis satu graf terarah yang mewakili jarak paling jauh dari Kebun Jantayu ke Kebun Bako dengan syarat semua laluan hanya dilalui sekali sahaja.

[2 markah]

*Draw a directed graph to represent the longest distance from the Jantayu Farm to Bako Farm with the condition that all the paths are taken once only.*

[2 marks]

- (ii) Seterusnya, hitung jarak paling jauh itu, dalam km.  
*Hence, calculate the longest distance, in km.*

[2 markah]

[2 marks]


Jawapan / *Answer* :

(b)(i)

(ii)

- (c) Selain membekalkan buah-buahan, Encik Samad ingin mengembangkan perniagaan dengan menjual jus buah-buahan tempatan yang akan diproses di kedainya sendiri. Jus buah-buahan yang diproses akan dibungkus dengan menggunakan dua jenis bekas yang berlainan. Rajah 9.3 menunjukkan dua jenis bekas yang akan digunakan oleh Encik Samad untuk pembungkusan jus buah – buahnya serta kos untuk 100 unit bekas tersebut.

*Besides supplying fruits, Encik Samad wants to expand his business by selling locally processed fruit juices in his own store. The processed fruit juices will be packaged using two different types of containers. Diagram 9.3 shows the two types of containers that Encik Samad will use for packaging his fruit juices, along with the cost for 100 units container.*



Rajah 9.3  
Diagram 9.3

- (i) Encik Samad berpendapat bahawa menggunakan bekas silinder adalah lebih kos efektif. Menggunakan maklumat daripada kos seunit bekas tersebut, berikan satu hujah yang menyokong atau menyangkal kenyataan Encik Samad. [3 markah]  
*Encik Samad believes that using cylindrical containers is more cost-effective. Using information from the unit cost of those containers, provide an argument that supports or opposes Encik Samad's statement. [3 marks]*
- (ii) Diberi bahawa isi padu bekas berbentuk kuboid dan isi padu bekas berbentuk silinder adalah sama, iaitu  $75\frac{3}{7}$  ml. Tinggi silinder adalah tiga kali ganda jejari silinder tersebut. Dengan menggunakan  $\pi = \frac{22}{7}$ , hitung jejari silinder tersebut. [2 markah]  
*Given that the volume of the cuboid shaped container and the volume of the cylindrical container is same, which is  $75\frac{3}{7}$  ml. The height of the cylinder is three times the radius of the cylinder. By using  $\pi = \frac{22}{7}$ , calculate the radius of the cylinder. [2 marks]*

Jawapan / *Answer* :

(c)(i)

(ii)

**KERTAS SOALAN TAMAT**  
***END OF QUESTION PAPER***

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.*
- 2. Soalan dalam Bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam Bahasa Inggeris.*
- 3. Calon dikehendaki membaca maklumat di halaman belakang kertas peperiksaan ini.*



**RUMUS MATEMATIK**  
**MATHEMATICAL FORMULAE**

Rumus-rumus berikut boleh membantu anda untuk menjawab soalan. Simbol-simbol yang diberi adalah yang biasa digunakan.

*The following formulae may be helpful in answering the questions. The symbols given are the ones commonly used*

**NOMBOR DAN OPERASI**  
**NUMBERS AND OPERATIONS**

- |  |  |
|--|--|
| <p>1 <math>a^m \times a^n = a^{m+n}</math></p> <p>3 <math>(a^m)^n = a^{mn}</math></p> <p>5 <math>a^{\frac{m}{n}} = (a^m)^{\frac{1}{n}} = \left( \frac{1}{a^n} \right)^m</math></p> <p>7 Faedah mudah / <i>Simple interest</i>,<br/><math>I = Prt</math></p> <p>9 Jumlah bayaran balik / <i>Total repayment</i>, <math>= P + Prt</math></p> <p>10 <math>\text{Premium} = \frac{\text{Nilai muka polisi}}{\text{RMx}} \times (\text{Kadar premium per RMx})</math><br/><br/><math>\text{Premium} = \frac{\text{Face value of policy}}{\text{RMx}} \times (\text{Premium rate per RMx})</math></p> <p>11 Jumlah insurans yang harus dibeli = <math>\left( \begin{matrix} \text{Peratusan} \\ \text{ko insurans} \end{matrix} \right) \times \left( \begin{matrix} \text{Nilai bolch} \\ \text{insurans harta} \end{matrix} \right)</math><br/><br/><math>\text{Amount of required insurance} = \left( \begin{matrix} \text{Percentage of} \\ \text{co insurance} \end{matrix} \right) \times \left( \begin{matrix} \text{Insurable value} \\ \text{of property} \end{matrix} \right)</math></p> | <p>2 <math>a^m \div a^n = a^{m-n}</math></p> <p>4 <math>\frac{1}{a^n} = \sqrt[n]{a}</math></p> <p>6 <math>a^{\frac{m}{n}} = \sqrt[n]{a^m} = \left( \sqrt[n]{a} \right)^m</math></p> <p>8 Nilai matang / <i>Maturity value</i>,<br/><math>MV = P \left( 1 + \frac{r}{n} \right)^{nt}</math></p> |
|--|--|

**PERKAITAN DAN ALGEBRA**  
**RELATIONSHIP AND ALGEBRA**

- |   |   |
|---|---|
| <p>1 Jarak / <i>Distance</i><br/><math>= \sqrt{(x_2 - x_1)^2 + (y_2 - y_1)^2}</math></p> <p>3 Laju purata = <math>\frac{\text{Jumlah jarak}}{\text{Jumlahmasa}}</math><br/><br/><math>\text{Average speed} = \frac{\text{Total distance}}{\text{Total time}}</math></p> <p>5 <math>A^{-1} = \frac{1}{ad - bc} \begin{pmatrix} d &amp; -b \\ -c &amp; a \end{pmatrix}</math></p> | <p>2 Titik Tengah / <i>midpoint</i>,<br/><math>(x, y) = \left( \frac{x_1 + x_2}{2}, \frac{y_1 + y_2}{2} \right)</math></p> <p>4 <math>m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1}</math></p> <p>6 <math>m = -\frac{\text{pintasan-y}}{\text{pintasan-x}}</math> , <math>m = -\frac{\text{y-intercept}}{\text{x-intercept}}</math></p> |
|---|---|

**SUKATAN DAN GEOMETRI**  
**MEASUREMENT AND GEOMETRI**

- 1 Teorem Pythagoras / *Pythagoras Theorem* =  $c^2 = a^2 + b^2$
- 2 Hasil tambah sudut pedalaman poligon / *Sum of interior angles of a polygon*  
=  $(n - 2) \times 180^\circ$
- 3 Lilitan bulatan =  $\pi d = 2\pi j$   
*Circumference of circle* =  $\pi d = 2\pi r$
- 4 Luas bulatan =  $\pi j^2$   
*Area of circle* =  $\pi r^2$
- 5  $\frac{\text{Panjang lengkok}}{2\pi j} = \frac{\theta}{360^\circ}$   
 $\frac{\text{Arclength}}{2\pi r} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- 6  $\frac{\text{Luas sektor}}{\pi j^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$   
 $\frac{\text{Area of sector}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- 7 Luas layang =  $\frac{1}{2}$  x hasil darab panjang dua pepenjuru  
*Area of kite* =  $\frac{1}{2}$  x product of the length of two diagonals
- 8 Luas trapezium =  $\frac{1}{2}$  x hasil tambah dua sisi selari x tinggi  
*Area of trapezium* =  $\frac{1}{2}$  x sum of two parallelsides x height
- 9 Luas permukaan silinder =  $2\pi r^2 + 2\pi j t$   
*Surface area of cylinder* =  $2\pi r^2 + 2\pi r h$
- 10 Luas permukaan kon =  $\pi j^2 + \pi j s$   
*Surface area of cone* =  $\pi r^2 + \pi r s$
- 11 Luas permukaan sfera =  $4\pi j^2$   
*Surface area of sphere* =  $4\pi r^2$
- 12 Isipadu prisma = Luas keratan rentas x panjang  
*Volume of prism* = area of cross sectional x height
- 13 Isipadu silinder =  $\pi j^2 t$   
*Volume of cylinder* =  $\pi r^2 h$
- 14 Isipadu kon =  $\frac{1}{3}\pi j^2 t$   
*Volume of cone* =  $\frac{1}{3}\pi r^2 h$

- 15 Isipadu sfera =  $\frac{4}{3}\pi r^3$   
*Volume of sphere* =  $\frac{4}{3}\pi r^3$
- 16 Isipadu piramid =  $\frac{1}{3} \times \text{luas tapak} \times \text{tinggi}$   
*Volume of pyramid* =  $\frac{1}{3} \times \text{base area} \times \text{height}$
- 17 Faktor skala / *Scale factor*,  $k = \frac{PA'}{PA}$
- 18 Luas imej =  $k^2 \times \text{luas objek}$   
*Area of image* =  $k^2 \times \text{area of object}$

**STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN**  
**STATISTICS AND PROBABILITY**

- 1 Min / *Mean*,  $\bar{x} = \frac{\sum x}{N}$
- 2 Min / *Mean*,  $\bar{x} = \frac{\sum fx}{\sum f}$
- 3 Varians / *Variance*,  $\sigma^2 = \frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N} = \frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2$
- 4 Varians / *Variance*,  $\sigma^2 = \frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f} = \frac{\sum f x^2}{\sum f} - \bar{x}^2$
- 5 Sisihan piawai / *Standard deviation*,  $\sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N}} = \sqrt{\frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2}$
- 6 Sisihan piawai / *Standard deviation*,  $\sigma = \sqrt{\frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f}} = \sqrt{\frac{\sum f x^2}{\sum f} - \bar{x}^2}$
- 7  $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$
- 8  $P(A') = 1 - P(A)$


1. Mei Ling hendak menentukan kadar penggunaan petrol keretanya. Dia mengisi penuh tangki minyak keretanya dengan 30 liter petrol. Apabila petrol itu habis digunakan, keretanya telah mencatat perjalanan sejauh 540km. Cari kadar penggunaan petrol kereta Mei Ling.  
*Mei Ling wants to determine the petrol consumption rate of her car. She fills up her car's oil tank with 30 liters of petrol. When the petrol is used up, her car has traveled 540 km. Find the petrol consumption rate of Mei Ling's car.*

- A 14 km/ℓ
- B 16 km/ℓ
- C 18 km/ℓ
- D 20 km/ℓ

2. Terdapat tiga jenis rumah di sebuah kawasan perumahan, teres satu tingkat (A), teres dua tingkat (B) dan berkembar (C). Jumlah bilangan rumah di Kawasan perumahan itu ialah 756 buah. Diberi A:B=2:1 dan A:C=7:3, cari bilangan rumah teres dua tingkat di kawasan perumahan itu.  
*There are three types of houses in a residential area, one-storey terrace (A), two-storey terrace (B) and twin (C). The total number of houses in the residential area is 756. Given A:B=2:1 and A:C=7:3, find the number of two-storey terrace houses in the residential area.*

- A 196
- B 140
- C 187
- D 159

3. Rajah di bawah menunjukkan pelan halaman rumah Hashid.  
*The diagram below shows the courtyard plan of Hashid's house.*




Kawasan yang berlorek akan ditanami dengan rumput dan dipagarkan. Kos untuk menanam  $1\text{m}^2$  rumput ialah RM5. Hitung jumlah kos yang diperlukan.

*The shaded area will be planted with grass and fenced. The cost to plant  $1\text{m}^2$  of grass is RM5. Calculate the total cost required.*


- A RM5890
- B RM5490
- C RM5380
- D RM5400

4. Rajah di bawah menunjukkan trapezium STUV dan trapezium STWV yang bertindih.  
*The diagram below shows the STUV trapezium and the STWV trapezium overlapping.*



Diberi luas kawasan yang berlorek ialah  $24 \text{ cm}^2$ . Hitung perimeter, dalam m, trapezium STWV.  
*Given the area of the shaded area is  $24 \text{ cm}^2$ . Calculate the perimeter, in m, of the STWV trapezium.*

- A 18 m  
 B 17 m  
 C 0.18 m  
 D 0.65 m
5. Rajah di bawah ialah carta palang berpasangan yang menunjukkan bilangan pekerja di empat buah kilang dalam dua tahun yang berturut-turut.  
*The figure below is a paired bar chart showing the number of employees in four factories in two consecutive years.*



Kilang manakah yang menunjukkan peratusan pertambahan bilangan pekerja yang paling tinggi?  
*Which factory showed the highest percentage increase in the number of employees?*

- A Kilang P  
 Factory P  
 B Kilang Q  
 Factory Q  
 C Kilang R  
 Factory R  
 D Kilang S  
 Factory S
6. Faktorkan ungkapan yang berikut.  
*Factor the following expressions.*

$$8k^2 - 12k - 20$$


- A  $2(k - 4)(k + 1)$   
 B  $2(k - 8)(k + 4)$   
 C  $2(2k + 2)(2k - 5)$   
 D  $2(2k + 4)(2k - 6)$

7. Kembangkan ungkapan yang berikut.  
*Develop the following expressions.*

$$(3n+7)^2$$

- A  $9n^2+42n+49$   
 B  $9n^2+48n+54$   
 C  $9n^2+18n+45$   
 D  $9n^2+36n+63$

8. Rajah di bawah menunjukkan sekeping kayu yang bersandar di sebuah dinding.  
*The diagram shows a wooden stick leaning against a wall.*




Diberi dinding tersebut dengan lebar 20cm dan ketinggiannya 100cm. Cari kecerunan kayu tersebut.

*Given that the wall with its width 20cm and its height 100cm. Find the gradient of the wooden stick.*

- A 80cm  
 B 90cm  
 C 100cm  
 D 150cm

9. Rajah di bawah menunjukkan sebuah gelongsor.  
*The diagram below shows a slide.*



Cari kecerunan gelongsor tersebut.  
*Find the gradient of the slide.*

- A 2.4 m  
 B 4.5 m  
 C 6.7 m  
 D 9.8 m

10. Hitung median berdasarkan jadual kekerapan di bawah.  
*Calculate the median based on the frequency table below.*

|                               |   |   |    |    |
|-------------------------------|---|---|----|----|
| Markah<br><i>Marks</i>        | 6 | 8 | 10 | 12 |
| Kekerapan<br><i>Frequency</i> | 5 | 3 | 7  | 2  |

- A 6  
B 8  
C 10  
D 12


11. Sebuah kotak mengandungi beberapa keping kad yang bernombor. Apabila sekeping kad dipilih secara rawak dari kotak, kebarangkalian memperolehi gandaan 4 adalah  $\frac{2}{5}$ . Apakah kebarangkalian untuk **tidak** mendapat gandaan 4?  
*A box contains some number cards. When a card is chosen at random from the box, the probability of getting a multiple of 4 is  $\frac{2}{5}$ . What is the probability of **not** getting a multiple of 4?*

- A  $\frac{1}{5}$   
B  $\frac{2}{5}$   
C  $\frac{3}{5}$   
D  $\frac{4}{5}$

12. Laila mendeposit sejumlah RM20 000 ke dalam akaun di sebuah bank dengan kadar faedah 3% setahun dan faedah kompaun tersebut terkumpul setiap 4 bulan. Tentukan jenis akaun tersebut.  
*Laila deposits RM20 000 in an account at a bank with interest rate of 3% per annum and the interest is compounded once every 4 months. Determine the type of the account.*

- A Akaun simpanan  
*Saving account*  
B Akaun simpanan tetap  
*Fixed deposit account*  
C Akaun semasa  
*Current account*  
D Akaun simpanan Wadiah  
*Wadiah savings account*

13. Diagram menunjukkan harga jualan asal, peratus diskaun dan pelan bayaran ansuran bulanan untuk sebuah computer riba di sebuah kedai.  
*The diagram shows the original selling price, percentage of discount and the monthly instalment payment plan of a laptop in a shop.*



RM3800  
 Sekarang diskaun 20%  
 Now discount 20%

**Pelan Bayaran Ansuran Bulanan**  
**Monthly Instalment Payment Plan**

Bayaran pendahuluan – 0%  
 Downpayment – 0%  
 Kadar faedah rata – 4.6% setahun  
 Flat interest rate – 4.6% per annum  
 Tempoh ansuran – 2 tahun  
 Loan period – 2 years

Ramlah telah membeli komputer riba tersebut. Berapakah bayaran ansuran bulanan?  
*Ramlah buys the laptop. How much is her monthly installment?*

- A RM123.95
- B RM132.90
- C RM138.32
- D RM276.64

14. Baki tertunggak yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit Encik John bagi bulan April 2023 adalah RM8200. Bayaran minimum adalah 5% daripada jumlah tertunggak atau minimum RM 50. Kira bayaran minimum yang perlu dibuat oleh Encik John.

*The outstanding balance shown on Mr John's credit card statement for April 2023 is RM8200. The minimum payment is 5% of the total outstanding balance or a minimum of RM50. Calculate the minimum payment to be made.*

- A RM50
- B RM400
- C RM410
- D RM470

15. Gambar rajah menunjukkan rumah yang dibeli oleh Encik Goh.  
*The diagram shows the house bought by Mr Goh.*



Untuk dijual  
 For sale  
**RM 480 000**

10% bayaran pendahuluan  
 10% downpayment

Encik Goh membuat bayaran pendahuluan. Dia memperoleh pinjaman perumahan dari sebuah bank dengan bayaran faedah sebanyak 3.6% setahun.


*Mr Goh makes a down payment for the house. He gets housing loan from a bank with charges interest of 3.6% per annum.*

Bayaran ansuran bulanan rumah tersebut adalah RM2736. Berapa lama kah ansuran tersebut?  
*The monthly installment for the loan is RM2736. How long is the installment?*

- A 15 tahun
- B 20 tahun
- C 25 tahun
- D 30 tahun




16. Gambar rajah dilukis di atas grid segiempat sama dengan sisi 1 unit.  
*The diagram is drawn on a square grid with sides of 1 unit.*



Manakah bentuk tersebut adalah lukisan skala bagi bentuk P?  
*Which of the shapes is a scale drawing of shape P?*

- A II sahaja  
*II only*  
 B I dan II sahaja  
*I and II only*  
 C II dan III sahaja  
*II and III only*  
 D II, III dan IV  
*II, III and IV*
17. Sekumpulan saintis telah menghantar satelit baru ke angkasa lepas supaya isyarat nya boleh merangkumi 35% permukaan bumi. Untuk tujuan ini ,  $\angle POQ$  ditetapkan pada  $126^\circ$ .

*A group of scientists have send a new satellite into the space so that its signal can cover 35% of the earth surface. For this purpose,  $\angle POQ$  has to be fixed at  $126^\circ$ .*




Diberi jejari bumi,  $OP$ , adalah 6371 km. Kira jarak dalam km, antara titik A di permukaan bumi dan satelit untuk mencapai tujuan tersebut.

*Given the radius,  $OP$ , of the earth is 6371 km. Calculate the distance, in km, between the satellite to a point A on earth's surface to achieve this purpose.*

- A 7150.34  
 B 7662.33  
 C 12742.33  
 D 14033.33

18. Gambar rajah menunjukkan pelan sebuah objek. I, II, III dan IV adalah empat pepejal yang terletak di atas permukaan mengufuk.  
*The diagram shows the plan of an object, I, II, III and IV are four solids lying on a horizontal surface.*




Di antara pepejal tersebut, yang manakah mempunyai pelan yang sama?

*Among the solids, which of the following has the same plan?*

- A        I dan III  
           I and III
- B        II dan IV  
           II and IV
- C        I, III dan IV  
           I, III and IV
- D        I, II, III dan IV  
           I, II, III and IV

19. Rajah berikut menunjukkan segi empat sama  $ABCD$ . Titik  $E$ ,  $F$ ,  $G$  dan  $H$  masing-masing ialah titik tengah kepada garis  $AB$ ,  $CD$ ,  $AD$  dan  $BC$ .  
*Diagram below shows a square  $ABCD$ . Points  $E$ ,  $F$ ,  $G$  and  $H$  are the midpoints of lines  $AB$ ,  $CD$ ,  $AD$  and  $BC$  respectively.*




- |     |   |
|-----|---|
| I   | Lengkuk $GF$ ialah lokus bagi titik yang sentiasa berjarak tetap dari titik $B$ .<br><i>The arc <math>GF</math> is the locus of a point that is always a fixed distance from the point <math>B</math>.</i>  |
| II  | Lengkuk $AB$ ialah lokus bagi titik yang sentiasa berjarak tetap dari garis $AB$ .<br><i>The arc <math>AB</math> is the locus of a point that is always a fixed distance from line <math>AB</math></i>  |
| III | Garis lurus $AC$ ialah lokus bagi titik yang sentiasa berjarak sama dari titik $B$ dan titik $D$ .<br><i>The straight line <math>AC</math> is the locus of a point that is always equidistant from point <math>B</math> and point <math>D</math>.</i> |

Antara pernyataan di atas, yang manakah **tidak** betul?  
*Which of the above statements is **incorrect**?*

- A I dan / and II
- B II dan / and III
- C I dan / and III
- D I, II dan/ and III


20. Rajah berikut menunjukkan graf bagi suatu fungsi kuadratik.  
Diagram below shows the graph of a quadratic function.



Diberi  $x = 1$  ialah paksi simetri, cari nilai  $h$ .  
Given  $x = 1$  is the axis of symmetry, find the value of  $h$ .

- A 5
- B 6
- C 7
- D 8

21. Rajah berikut menunjukkan graf bagi dua fungsi kuadratik yang dilukis pada paksi yang sama.  
Diagram below shows the graphs of two quadratic functions drawn on the same axes.



Nyatakan satu nilai yang mungkin bagi  $a$ .  
State a possible value of  $a$ .

- A 6
- B 5
- C 4
- D 2

22. Diberi  $365_7 = (x \times 10^2) + (y \times 10) + z$ , tentukan nilai  $x$ ,  $y$  dan  $z$ .  
Given  $365_7 = (x \times 10^2) + (y \times 10) + z$ , determine the values of  $x$ ,  $y$  and  $z$ .

|   | $x$ | $y$ | $z$ |
|---|-----|-----|-----|
| A | 1   | 9   | 0   |
| B | 1   | 9   | 4   |
| C | 3   | 6   | 0   |
| D | 3   | 6   | 5   |

23. Berikut adalah kontrapositif suatu implikasi:  
*Below is the contrapositive of an implication:*

Jika  $x \neq -4$ , maka  $3x \neq -12$ .  
*If  $x \neq -4$ , then  $3x \neq -12$ .*

Apakah antejadian bagi implikasi songsangan itu?  
*What is the antecedent of the inverse of the implication?*

- A  $x = -4$
- B  $x \neq -4$
- C  $3x = -12$
- D  $3x \neq -12$


24. Diberi bahawa set semesta,  $\xi = \{1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15\}$ , set  $P = \{2, 3, 5, 7, 11, 13\}$  dan set  $Q = \{3, 5, 11\}$ .  
 Antara yang berikut, manakah yang betul?  
*Given that the universal set,  $\xi = \{1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15\}$ , set  $P = \{2, 3, 5, 7, 11, 13\}$  and set  $Q = \{3, 5, 11\}$ .*

*Which of the following is correct?*

- A  $P \cap Q = \{ \}$
- B  $Q \subset P$
- C  $P \subset Q$
- D  $(P \cup Q)' = \{1, 2, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15\}$

25. Rajah berikut ialah gambar rajah Venn yang menunjukkan set semesta  $\xi = \{\text{murid kelas 5 Cemerlang}\}$ , set  $P = \{\text{murid yang suka makan roti sebagai sarapan}\}$  dan set  $Q = \{\text{murid yang suka makan mee goreng sebagai sarapan}\}$ .

*Diagram below is a Venn diagram showing the universe set  $\xi = \{\text{students in class 5 Cemerlang}\}$ , set  $P = \{\text{students who like to eat bread for breakfast}\}$  and set  $Q = \{\text{students who like to eat fried noodles for breakfast}\}$ .*



Diberi bahawa  $n(\xi) = 30$  dan bilangan murid yang suka makan satu jenis sarapan sahaja ialah 17. Hitung bilangan murid yang suka makan kedua-dua jenis sarapan itu.

*Given that  $n(\xi) = 30$  and the number of students who like to eat only one type of breakfast is 17.*


*Calculate the number of students who like to eat both types of breakfast.*

- A 9
- B 10
- C 11
- D 13


26. Diberi bahawa set  $\xi = \{2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11\}$ , set  $P = \{\text{nombor genap}\}$  dan set  $Q = \{\text{nombor perdana}\}$ .  
 Antara gambar rajah Venn berikut, yang manakah mewakili hubungan untuk set-set di atas?  
*Given that set  $\xi = \{2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11\}$ , set  $P = \{\text{even numbers}\}$  and set  $Q = \{\text{prime numbers}\}$ .*

*Which of the following Venn diagrams represents the relationship for the above sets?*


A




B




C



D



27. Rajah berikut menunjukkan satu graf tak terarah dan berpemberat.  
*Diagram below shows an undirected weighted graph.*




Berdasarkan graf di atas, satu subgraf dengan 5 bucu dan 4 tepi boleh dilukis. Tentukan jumlah pemberat yang minimum bagi subgraf itu.

*Based on the above graph, a subgraph with 5 vertices and 4 edges can be drawn. Determine the minimum total weight of the subgraph.*

- A 11
- B 14
- C 15
- D 16


28. Rajah berikut menunjukkan satu sistem ketaksamaan linear pada suatu satah Cartes.  
Diagram below shows a system of linear inequalities on Cartesian plane.



Antara berikut yang manakah ketaksamaan linear yang **tidak** memenuhi kawasan berlorek?  
Which of the following is a linear inequality that does **not** satisfy the shaded area?

- A  $x \leq 0$
- B  $y \geq 0$
- C  $y + x < 0$
- D  $y + x \geq 0$

29. Rajah berikut menunjukkan graf laju-masa bagi pergerakan sebuah bus dalam tempoh 6 jam.  
Diagram below shows the speed-time graph for the movement of a bus in a period of 6 hours.




Diberi bus itu bergerak dengan laju seragam  $60 \text{ km j}^{-1}$  dalam tempoh 3 jam terakhir. Hitung nyahpecutan, dalam  $\text{km j}^{-2}$ , bus itu dalam tempoh 1.5 jam pertama.

Given that the bus is moving at a uniform speed of  $60 \text{ km h}^{-1}$  during the last 3 hours. Calculate the deceleration, in  $\text{km h}^{-2}$ , of the bus during the first 1.5 hours.

- A 10
- B 20
- C 40
- D 60

30. Rajah di bawah menunjukkan sebuah graf jarak-masa bagi pergerakan suatu serangga.

*Diagram below shows the distance-time graph of the movement of an insect.*



Antara berikut, yang manakah memodelkan pergerakan serangga itu?

*Which of the following models the movement of the insect?*

A  $d = 49 \sin 225t + 21$

B  $d = 21 \sin 225t + 28$

C  $d = 49 \cos / \cos 225t + 21$

D  $d = 21 \cos / \cos 225t + 28$

31. Suatu tinjauan tentang masa penggunaan alat digital telah dijalankan kepada 50 orang remaja yang dibahagikan sama rata kepada dua kumpulan, *A* dan *B*. Keputusan tinjauan menunjukkan Kumpulan *A* mempunyai min 6.5 jam dan varians 4.7 manakala Kumpulan *B* mempunyai min 4.3 jam dan varians 5.9. Hitung sisihan piawai dalam masa penggunaan alat digital bagi 50 orang remaja itu.

*A survey about the usage time on digital devices was conducted on 50 teenagers who were equally divided into two groups, A and B. The result of the survey shows Group A has a mean of 6.5 hours and variance of 4.7 whereas group B has a mean of 4.3 hours and variance of 5.9. Calculate the standard deviation in the usage time on digital devices of the 50 teenagers.*

A 2.298

B 2.551

C 3.262

D 6.51



32. Malik menerima wang saku sebanyak RM150 setiap bulan daripada bapanya. Dia ingin membeli sebuah komputer riba berharga RM2300 dan bapanya bersetuju membayar 20% daripada harga computer riba itu. Hitung tempoh masa yang diperlukan oleh Malik untuk membeli komputer riba itu jika dia menyimpan RM80 setiap bulan daripada wang sakunya.

*Malik receives a monthly allowance of RM150 from his father. He wants to buy a laptop priced at RM2300, and his father agrees to pay 20% of the laptop's price. Calculate the time required for Malik to purchase the laptop if he saves RM80 from his allowance every month.*

- A 2 tahun/ years 5 bulan/ months
- B 1 tahun/ year 11 bulan/ months
- C 1 tahun/ year 1 bulan/ month
- D 11 bulan/ months

33. Pecutan,  $a$ , sebuah lori berubah secara langsung dengan kuasa dua laju,  $v$ , dan secara songsang dengan jarak,  $s$ , yang dilalui oleh lori tersebut. Diberi bahawa  $a=60 \text{ kmj}^{-2}$ ,  $v=80 \text{ kmj}^{-1}$  dan  $s=90 \text{ km}$ . Hitung nilai  $s$  apabila  $a=50 \text{ kmj}^{-2}$  dan  $v=80 \text{ kmj}^{-1}$ .  
*The acceleration,  $a$ , of a truck changes directly with the square of the speed,  $v$ , and inversely with the distance,  $s$ , traveled by the truck. Given that  $a=60 \text{ kmh}^{-2}$ ,  $v=80 \text{ kmh}^{-1}$  and  $s=90 \text{ km}$ . Calculate the value of  $s$  when  $a=50 \text{ kmh}^{-2}$  and  $v=80 \text{ kmh}^{-1}$ .*

- A 87 km
- B 108 km
- C 97 km
- D 122 km

